

Ong tiada hasrat minta maaf

CYBERJAYA: Datuk Ong Tee Keat tidak berhasrat memohon maaf kepada Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berhubung kontroversi isu bantuan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Johor.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi itu berkata, beliau tidak berhasrat berbuat demikian kerana sudah pun dikenakan tindakan diberi amaran oleh Kabinet atas kesalahan menegur hal ehwal kementerian lain.

"Saya hanya bertanggung jawab terhadap apa yang saya ucapkan di Johor minggu lalu dan bukannya apa yang sudah disalah tafsir oleh se-setengah pihak. Kenapa saya kena minta maaf." katanya.

Beliau memberitahu demikian se-

lepas melancarkan Pertandingan Melukis Kebangsaan di Kolej Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing di sini, semalam.

Sebelum ini, Ong dilaporkan meminta Hishammuddin tidak membuat serangan peribadi terhadapnya berikutan kenyataannya mengenai berlaku penyelewengan dana bantuan kepada dua SJKC di Johor.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed sudah memohon maaf atas keterlanjuran timbalannya mengenai penyelewengan itu yang juga menyinggung pegawai Kementerian Pelajaran.

Kabinet menegur Ong kerana kritiknya itu bertentangan dengan Peraturan dan Kod Etika bagi Anggota Pentadbiran 2004 yang menyebut, se-

seorang anggota pentadbiran termasuk timbalan menteri terikat dengan prinsip tanggungjawab bersama iaitu tidak boleh membuat kenyataan yang bercanggah dengan dasar kerajaan.

Ditanya sama ada Mustapa meminta pandangan atau memaklumkan kepada beliau mengenai permohonan maaf itu, Ong berkata: "Itu terserah kepada bos saya. Kalau saya komen, lagi orang kata saya celupar".

Sementara itu, ditemui selepas majlis penyampaian sijil Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), di sini, Ong berkata, sebarang perselisihan faham membabitkan isu terencil tidak wajar menjejaskan pelbagai bantuan Kementerian Pelajaran kepada SJKC yang disalurkan menerusi MCA.